**POLITEKNIK MUADZAM SHAH**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Lebuhraya Tun Abdul Razak
26700 Muadzam Shah
PAHANG, MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA MUADZAM SHAH

Tel : 09-450 2005/2006/2007
Faks : 09-450 2009
Portal Rasmi: https://pms.mypolycc.edu.my
Facebook: Polytechnic of Muadzam Shah

Ruj. Kami : PMS/09/01- 01/1-1 Jld.4 ( 10 )
Tarikh : 4 Disember 2025

Pelajar Baharu PMS
Semester 1, Sesi II : 2025/2026

Saudara / Saudari,

**MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG SESI II : 2025/2026**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Terlebih dahulu sekalung tahniah diucapkan kepada semua pelajar baharu yang berjaya melanjutkan pengajian ke Politeknik Muadzam Shah (PMS). Dimaklumkan bahawa pendaftaran pelajar baharu akan diadakan pada ketetapan seperti yang berikut :

**Tarikh** : **05 Januari 2026 (Isnin)**
**Masa** : **8.30 pagi – 12.30 tengah hari**
**Lokasi Pendaftaran** : **Polybizzmall Politeknik Muadzam Shah**

3. Sukacita dimaklumkan bahawa **Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu Politeknik Muadzam Shah Sesi II : 2025/2026** boleh diakses melalui portal rasmi di pautan berikut : ***http://pms.mypolycc.edu.my***. Pelajar diingatkan supaya membaca dengan teliti semua maklumat yang terkandung dalam buku panduan tersebut, terutamanya berkaitan pembayaran yuran dan pematuhan terhadap segala peraturan yang telah ditetapkan agar urusan pendaftaran dapat dilaksanakan dengan lancar.

4. Pelajar dikehendaki mendaftar secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) di portal yang sama. Pendaftaran hanya boleh dibuat **selepas 24 jam** dari waktu pembayaran yuran melalui sistem ***iPayment***. Sistem ***iPayment*** dijangka akan dibuka seperti maklumat berikut :

| **Bil.** | **Fasa** | **Tarikh Pembukaan Sistem *iPayment*** |
|---|---|---|
| 1 | Fasa 1 | 08 Disember 2025 sehingga 25 Disember 2025 |
| 2 | Fasa 2 | 01 Januari 2026 sehingga 28 Januari 2026 |

Semua pelajar diwajibkan menjelaskan **Bayaran Pengajian** dalam tempoh masa yang ditetapkan dan semua maklumat pembayaran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran dan membawanya semasa hari pendaftaran untuk tujuan semakan.

…/2

5. Selain itu, pelajar juga diminta untuk **mencetak slip pengesahan pendaftaran** dalam talian dan hendaklah dibawa pada hari pendaftaran bersama dokumen seperti yang berikut :

- **Senarai Semak**
- **Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1-6)**
- **Borang Kad Matrik Pelajar**
- **Borang Keahlian Pelajar MSP_DAF-001**

6. Sehubungan itu, pelajar juga diingatkan agar mematuhi etika disiplin dan penampilan diri yang ditetapkan semasa hadir untuk pendaftaran. Kegagalan mematuhi perkara ini boleh menjejaskan proses pendaftaran pelajar. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau masalah berkaitan pendaftaran, pelajar boleh menghubungi **Unit Hal Ehwal Pelajar di talian 09-4502005 / 2006 / 2007** untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI MOHD YUSOF BIN ZAKARIA)**
Pengarah
Politeknik Muadzam Shah
Pahang

*s.k :*

1. *Timbalan Pengarah Akademik*
2. *Timbalan Pengarah Sokongan Akademik*
3. *Ketua Jabatan JP / JTMK / JKM / JPH / JRKV*
4. *Pegawai Perhubungan & Latihan Industri*
5. *Ketua Unit Peperiksaan*
6. *Ketua Unit Asrama*
7. *Ketua Unit Kewangan*
8. *Fail*

*ptpd/maklumanpendaftaran/c*

**LAMPIRAN 1**

**SENARAI SEMAK**

**Dokumen-dokumen berikut mesti diserahkan pada hari pendaftaran.** Dokumen pendaftaran yang telah lengkap diisi dan perlu diketipkan (*staple*) sekali mengikut tertib/aturan. **Setiap dokumen mestilah di cetak pada satu muka kertas untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian *yang* sama.**

**Nama** :________________________________________

**No. Kad Pengenalan** : ________________________________________

**No. Pendaftaran** : ________________________________________

Sila sertakan salinan dokumen dalam **saiz A4** (pastikan mengikut susunan berikut)

| **Bil** | **Borang Maklumat Pelajar** | | **Tindakan Calon ( √ )** | **Tindakan Urus setia Pendaftaran ( √ )** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Slip Pengesahan Pendaftaran Sesi ………………………………………….. | | | |
| 2 | Maklumat Peribadi Pelajar | **BHEP 1** | | |
| 3 | Laporan Pemeriksaan Kesihatan: Bahagian **A - D** | **BHEP 2** | | |
| 4 | Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/bapa/Penjaga) | **BHEP3a** | | |
| 5 | Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar) | **BHEP3b** | | |
| 6 | Kebenaran Ibubapa/Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan | **BHEP 4** | | |
| 7 | Aku Janji Pelajar | **BHEP 5** | | |
| 8 | Borang Pengesahan Pendapatan Bapa | **BHEP 6(a)** | | |
| 9 | Borang Pengesahan Pendapatan Ibu | **BHEP 6(b)** | | |
| 10 | Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga | **BHEP 6(c)** | | |
| 11 | Salinan Slip Gaji Ibu dan Bapa / Penjaga yang **terkini : (2 Salinan : HEP/JABATAN)** | | | |
| 12 | Salinan Sijil Kelahiran Pelajar | | | |
| 13 | Salinan Penyata Akaun Bank Pelajar | | | |
| 14 | Gambar berukuran pasport (**3 keping : 2 keping HEP / 1 keping JABATAN**) | | | |
| 15 | Salinan Resit Pembayaran yuran **(Pengajian, Asrama & Insurans)** | | | |

- Dokumen Lengkap – ☐
- Dokumen Tidak Lengkap - ☐

Tandatangan pegawai bertugas

…………………………………………………
Tandatangan & Cop Rasmi
Pegawai Penyemak

Tarikh : ……………………….

**POLITEKNIK MUADZAM SHAH**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Lebuhraya Tun Abdul Razak
26700 Muadzam Shah
PAHANG, MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
MUADZAM SHAH

Tel : 09-450 2005/2006/2007
Faks : 09-450 2009
Laman Web : https://pms.mypolycc.edu.my/
Facebook : Polytechnic of Muadzam Shah

# BORANG KAD MATRIK PELAJAR

***Maklumat Pemohon (Sila gunakan huruf besar)***

**NAMA PENUH (***Seperti Di Dalam Kad Pengenalan)* :

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**NAMA RINGKAS** *(1 Patah Perkataan - Contoh : AHMAD)* **:**

______________________________________________

**NO. KAD PENGENALAN :**

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | - | | | - | | | | |

**NO. PENDAFTARAN PELAJAR :**

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **1** | **9** | | | | | | | | | | | |

**JABATAN :** JTMK ☐ JRKV ☐ JKM ☐ JP ☐ JPH ☐

*(Sila Tanda* **'√'** *pada kotak yang berkenaan)*

**PROGRAM PENGAJIAN** : ……………………………………………………………………………

**NO. TELEFON PEMOHON** :

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | | |

---

***UNTUK KEGUNAAN KOPERASI***

Kad Matrik (Nama)……………………………………………………………………… telah selesai di cetak.

Tandatangan Pegawai

……………………………………………
Nama :
Tarikh :

Tandatangan Pemohon

……………………………………………
Tarikh :

MSP_DAF- 001

**BORANG KEAHLIAN PELAJAR**
**(SEMESTER 1)**
**MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| NAMA PELAJAR | |
| NO. KAD PENGENALAN | |
| NO. PENDAFTARAN | |
| PROGRAM | |
| SEMESTER | |
| SESI | |
| POLITEKNIK | POLITEKNIK MUADZAM SHAH |
| NO H/P | |

Saya________________________________No kad pengenalan_____________________dengan sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan berikut:

**YURAN KEAHLIAN**

| | |
|---|---|
| PENDAFTARAN | RM 10.00 |
| SEMESTER | RM 15.00 |
| JUMLAH | **RM 25.00** |
| | • Bayaran boleh dibuat melalui **Pindahan Wang** sahaja (*Electronic Fund Transfer*) ke akaun **Majlis Sukan Politeknik Malaysia.**<br>Nama Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad**<br>No Akaun : **04033010039643**<br>Jenis Akaun : **Akaun Semasa**<br>• Sila nyatakan **No Kad Pengenalan** pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran.<br>• Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran. |

Tandatangan

(NAMA :________________________________________)
Tarikh :

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA MUADZAM SHAH

# PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK MUADZAM SHAH PAHANG

## SESI II : 2025/2026

TAHUN 2025

# ISI KANDUNGAN


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| **1.0 Maklumat Am** | |
| 1.1 Pengenalan | 2 |
| 1.2 Kemudahan tempat tinggal | 2 |
| 1.3 Bantuan Kewangan | 3 - 5 |
| **2.0 Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu** | |
| 2.1 Peringatan Penting | 6 |
| 2.2 Proses Pendaftaran | 7 |
| 2.3 Jadual Bayaran Yuran Pengajian, Yuran Asrama, Bayaran Pelbagai dan Yuran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) | 8 - 10 |
| 2.4.Tatacara Pembayaran Yuran dan Pendaftaran | |
| 2.4.1 Tatacara Pendaftaran iPayment | 12 – 15 |
| 2.4.2 Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian dan Asrama | 16 – 25 |
| 2.4.3 Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu | 26 - 31 |
| 2.4.4 Tatacara Pembayaran Insurans | 32 - 35 |
| **3.0 Pakaian Dan Rupa Diri Semasa Pendaftaran** | |
| 3.1 Rupa Diri | 36 |
| 3.1.1 Pakaian dan Penampilan Diri Pelajar Lelaki | 37 |
| 3.1.2 Peraturan bagi Rambut, Misai, Janggut dan Jambang | 39 |
| 3.1.3 Pakaian dan Penampilan Diri Pelajar Perempuan | 39 |
| 3.1.4 Pakaian untuk Riadah / Sukan / Rekreasi | 40 |
| **Lampiran : Program Celik Madani - ASNB** | 41 - 42 |

# 1.0 MAKLUMAT AM

## 1.1 PENGENALAN

**Visi Politeknik Malaysia:**

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

**Misi Politeknik Malaysia:**

i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

## 1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL (KOLEJ KEDIAMAN)

Semua pelajar baharu (lelaki dan perempuan) adalah **DISEDIAKAN** tempat untuk menduduki Kolej Kediaman Pelajar tanpa perlu membuat permohonan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga kemudahan yang disediakan dengan baik dan mengikuti semua peraturan dan rupadiri yang ditetapkan untuk pelajar terus layak menduduki Kolej Kediaman Pelajar sehingga habis semester.

i. Kolej Kediaman disediakan kepada pelajar yang layak.
ii. Pembayaran Yuran Kolej Kediaman hendaklah dijelaskan setiap semester. (Rujuk Jadual Yuran Pengajian di Politeknik)
iii. Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas di Kolej Kediaman seperti katil, tilam, bantal, almari, meja dan kerusi. Cadar dan sarung bantal serta keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri.

## 1.3 BANTUAN KEWANGAN

Politeknik Muadzam Shah (PMS) **TIDAK MENYEDIAKAN** pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Biasiswa /Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di sini. Pembiaya pendidikan pelajar yang terbesar di PMS adalah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).**

**<u>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)</u>**

- Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar PMS yang mengikuti pengajian Diploma secara sepenuh masa dalam Program yang ditawarkan seperti berikut:

  i. Diploma Teknologi Maklumat
  ii. Diploma Pengurusan Pelancongan
  iii. Diploma Pelancongan Rekreasi
  iv. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)
  v. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Pembuatan Automotif)
  vi. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)
  vii. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi)
  viii. Diploma Perakaunan
  ix. Diploma Pengajian Perniagaan
  x. Diploma Rekabentuk Grafik
  xi. Diploma Teknologi Media Cetak

- Permohonan PTPTN hendaklah dibuat melalui laman web https://myptptn.ptptn.gov.my/ptptn/app/landing atau aplikasi myPTPTN yang boleh dimuat turun melalui Google play, App Store dan AppGallery.

- Pelajar layak memohon PTPTN sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-

  i. Pemohon adalah warganegara Malaysia
  ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
  iii. Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
  iv. Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/ IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan berdaftar dengan PTPTN;*
  v. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan masih di dalam tempoh sah laku semasa tarikh memohon;
  iv. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan berbeza pengesahan perlu diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di atas;
  v. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun; dan
  vi. Telah membuka akaun Simpan SSPN Prime/ Simpan SSPN Plus **.

** Hanya kursus yang diluluskan tajaan PTPTN akan didaftarkan dan disenaraikan dalam Portal Permohonan Online PTPTN.*

*** Hanya akaun Simpan SSPN Prime yang mempunyai 15 digit sahaja yang boleh membuat permohonan PTPTN. Sila hubungi cawangan PTPTN berhampiran untuk menyemak nombor akaun Simpan SSPN Prime 15 digit.*

## ➢ PERSEDIAAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN PTPTN

i. Membuka akaun simpanan SSPN dengan simpanan minimum RM20.00
ii. Membeli Nombor Pin untuk permohonan *online* PTPTN di Bank Simpanan Nasional (BSN) atau secara atas talian
iii. Membuka akaun simpanan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

## ➢ SENARAI BANTUAN PELAJAR IPT

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) https://myptptn.ptptn.gov.my/ptptn/app/landing
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) http://www.jpa.gov.my/
3. Jabatan Kemajuan Orang Asli http://www.jakoa.gov.my/
4. Bantuan Kewangan Pelajar OKU https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/
5. Yayasan Telekom Malaysia https://www.tm.com.my/YayasanTM
6. Yayasan Pelajaran Johor http://portal.ypj.gov.my/
7. Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) https://tapem.melaka.gov.my/1/
8. Yayasan Sarawak http://yayasansarawak.org.my/
9. Yayasan Pahang http://www.yp.org.my/
10. Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS) https://tkwbns.selangor.gov.my/tkwbns
11. Yayasan Selangor http://www.yayasanselangor.org.my/
12. KUOK Foundation http://www.kuokfoundation.com/
13. Bantuan Yayasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: yayasanwp.org14.
14. Bantuan Zakat dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) : isyura.maiamp.gov.my
15. Bantuan Sumbangan Pendidikan Zakat Anak Selangor: zakatselangor.com.my
16. Borang Permohonan Bantuan IPT Untuk Anak Anak Sabah: ums.edu.my
17. Bantuan Permohonan Insentif Harapan Siswa (IHS) Johor: portal.ypj.gov.my/
18. Bantuan Dana Kewangan di Negeri Sembilan: ns.gov.my
19. Bantuan Anak Selangor Masuk Universiti (hadiah pengajian IPT): selangor.gov.my
20. Bantuan Dermasiswa Negeri Perak: yayasanperak.gov.my
21. Skim Bantuan Sara Hidup dan Kecemasan Anak Perak: yayasanperak.gov.my
22. Permohonan Bantuan Kemasukan Ke IPT oleh Tabung Baitulmal Pendidikan negeri Sarawak: tbs.org.my
23. Bantuan Sambung Belajar ke IPT untuk Anak Kelantan: www.e-maik.my
24. Geran Yayasan Pahang (Bantuan Kepada pelajar IPT Untuk Dermasiswa Anak Pahang): ypm.org.my
25. Bantuan Derma Siswa Sambung pelajaran ke IPT Untuk Anak negeri Kedah: zakatkedah.com.my
26. Bantuan kerajaan untuk pelajar terdiri Anak Pulau Pinang: ibita.penang.gov.my
27. Bantuan Zakat Pendidikan Bank Rakyat: Anda boleh terus ke mana-mana cawangan. Bank Rakyat untuk dapatkan terus borang permohonan (terbuka kepada semua pelajar)

## ➢ SENARAI BANTUAN ZAKAT IPTA SETIAP NEGERI

Berikut adalah merupakan senarai bantuan zakat IPTA dalam pelbagai semua bidang:

1. Bantuan Zakat IPTA Selangor
2. Bantuan Zakat IPTA WP
3. Bantuan Zakat IPTA Kedah
4. Bantuan Zakat IPTA Perlis
5. Bantuan Zakat IPTA Penang
6. Bantuan Zakat IPTA Kelantan
7. Bantuan Zakat IPTA Terengganu
8. Bantuan Zakat IPTA Perak
9. Bantuan Zakat IPTA Pahang
10. Bantuan Zakat IPTA Negeri Sembilan
11. Bantuan Zakat IPTA Melaka
12. Bantuan Zakat IPTA Johor
13. Bantuan Zakat IPTA Sarawak
14. Bantuan Zakat IPTA Sabah
15. Bantuan Dermasiswa Yayasan Perak
16. Bantuan Sara Hidup Mahasiswa Negeri Sembilan

**Nota: Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi pejabat zakat berkenaan.

# 2.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II : 2025/2026

## 2.1 PERINGATAN PENTING

2.1.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:

i. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
   a. Kewarganegaraan
   b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
   c. Status kesihatan termasuk yang melibatkan anggota badan dan penglihatan

ii. Seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

2.1.2 Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.

2.1.3 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Unit Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Muadzam Shah dengan **SEGERA** sekiranya didapati **Buta Warna** setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk Borang HEP 2 – 4/4.

**i. Diploma Rekabentuk Grafik***
**ii. Diploma Teknologi Media Cetak***

***Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran atau lain-lain yang menyukarkan kerja-kerja amali.**

2.1.4 Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web http://ambilan.mypolycc.edu.my untuk simpanan sendiri.

## 2.2 PROSES PENDAFTARAN

| NO | PERKARA | TARIKH | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Muat turun panduan pendaftaran di portal Politeknik Muadzam Shah<br>https://pms.mypolycc.edu.my/<br>(selepas menghantar BJT) | | |
| 2 | Membuat pendaftaran ***iPayment*** | (Rujuk<br>Tatacara Pendaftaran *iPayment* di m/s 12 - 15) | |
| 3 | Membuat bayaran di sistem ***iPayment***<br>- Bayaran Yuran Pengajian - **RM200.00**<br>- Bayaran Yuran Asrama – **RM360.00** | ❖ **Fasa 1 : 08 Disember 2025 sehingga 25 Disember 2025**<br>❖ **Fasa 2 : 01 Januari 2026 sehingga 28 Januari 2026** | (Rujuk Jadual di m/s 8 dan Kaedah Bayaran di m/s 16 - 25) |
| 4 | Membuat Bayaran Takaful Pelajar (Insurans) | **(Rujuk Jadual di m/s 9 dan<br>Kaedah Bayaran di m/s 32 - 35)** | |
| 5 | Membuat Bayaran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) | **(Rujuk Jadual dan Kaedah Bayaran<br>di m/s 10)** | |
| 6 | Daftar secara *online* (selepas 3 hari bekerja) pendaftaran dilakukan di → dan mencetak **salinan Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)** | **Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar**<br>(http://spmp.pms.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp)<br>**(Rujuk Panduan Pendaftaran di m/s 26 - 31)** | |
| 7 | Memuatnaik gambar **berpakaian rasmi** berukuran passport di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar | Selepas mendaftar secara dalam talian. | |
| 8 | Lengkapkan **Borang HEP1 - HEP6**<br>**(Dihantar pada hari pendaftaran pelajar)**<br>**(Cetak Borang HEP1 – 6 di laman web)** **http://ambilan.mypolycc.edu.my** | | |
| 9 | Lapor diri di Politeknik mengikut tarikh yang telah ditetapkan dengan membawa dokumen seperti berikut:<br><br>**1. Slip Pengesahan Pendaftaran online**<br>**2. Borang HEP 1 - HEP 6**<br>**3. Senarai Semak - Lampiran 1**<br>**4. Borang Kad Matrik**<br>**5. Borang Keahlian MSP**<br>**6. Surat Asal Tajaan** cth: MAIS / LZS, MAIP, YTN (jika ada). | | |

## 2.3 JADUAL BAYARAN PENGAJIAN PELAJAR BAHARU

**BAYARAN PENGAJIAN**

- **Terdapat Empat (4) jenis Bayaran Pengajian yang perlu dijelaskan oleh pelajar yang berdaftar di institusi iaitu :**
  - **i. Yuran Pengajian**
  - **ii. Yuran Kamsis / Asrama / Kolej Kediaman**
  - **iii. Bayaran Pelbagai (Insurans)**
  - **iv. Yuran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP)**

| BIL. | JENIS BAYARAN | JUMLAH (RM) | KAEDAH BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | **YURAN PENGAJIAN** | **200.00 (1 SEMESTER)** | Bayaran (Yuran Pengajian dan Asrama) hanya melalui **Sistem iPayment** sahaja. Pihak Politeknik Muadzam Shah tidak menerima bayaran secara tunai.<br>(Rujuk : Tatacara Pendaftaran dan Pembayaran Yuran Pengajian dan Asrama) |
| 2 | **YURAN ASRAMA (KAMSIS)** | **360.00 (1 SEMESTER)** | **Kaedah Pembayaran**: **iPayment (Rujuk m/s: 16 - 25)** |
| 3 | **SILA BAWA SALINAN RESIT BAYARAN SEMASA HARI PENDAFTARAN** | | |
| 4 | Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar. | | |

****Nota:**

- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran **Yuran Pengajian** dan **Yuran Asrama**

  di Sistem ***iPayment***

- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.

- **Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.**

## BAYARAN PELBAGAI (INSURANS)

| BIL. | JENIS BAYARAN | JUMLAH (RM) | KAEDAH BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | **BAYARAN TAKAFUL PELAJAR (INSURANS)**<br>(BAYARAN PELBAGAI) | **35.00<br>(SETAHUN)** | ***BILLER CODE NAME : POLI. MUADZAM SHAH –YURAN (KOPERASI POLITEKNIK)***<br>***BILLER CODE : 687061***<br>***JUMLAH : RM35.00***<br><br>***<u>REFERENCE – 1</u>***<br>➢ ***NO. KAD PENGENALAN PELAJAR***<br>➢ ***(TANPA TANDA " – " )***<br>➢ ***(CONTOH : 010203045566)***<br><br>***<u>REFERENCE – 2</u>***<br>➢ ***NO. TELEFON PELAJAR***<br>➢ ***(TANPA TANDA " – " )***<br>➢ ***(CONTOH : 01234556789)*** |
| 2 | **SILA BAWA SALINAN SLIP BAYARAN SEMASA HARI PENDAFTARAN** | | |
| 3 | Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar. | | |

## <u>KADAR BAYARAN PELBAGAI (INSURANS)</u>

| PENGAJIAN | TEMPOH PERLINDUNGAN (SETAHUN) | KADAR |
|---|---|---|
| **SEMESTER 1** | **SEMESTER 1 DAN 2** | **RM35.00** |
| **SEMESTER 3** | **SEMESTER 3 DAN 4** | **RM35.00** |
| **SEMESTER 5** | **SEMESTER 5 DAN 6** | **RM35.00** |

****Nota:**

- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran **Bayaran Pelbagai (Insurans)** melalui **JOMPAY** dengan menggunakan **Biller Code** yang betul.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- **Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.**

## MAKLUMAT PEMBAYARAN YURAN KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

1. Melengkapkan borang pendaftaran keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP)
2. Membuat bayaran pendaftaran dan keahlian setiap semester mengikut aturan dibawah:

   - Bayaran boleh dibuat melalui **Pindahan Wang** sahaja (EFT - *ElectronicFund Transfer*) ke akaun **Majlis Sukan Politeknik Malaysia**

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>JUMLAH (RM)</th><th>KAEDAH BAYARAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>SEMESTER 1<br><br>YURAN KEAHLIAN - RM10.00<br>YURAN SEMESTER 1 – RM 15.00<br><br><u>JUMLAH – RM 25.00</u></td><td>BANK : BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD<br>NO.AKAUN : 04033010039643<br>KAEDAH BAYARAN : PINDAHAN WANG / FUND TRANSFER SAHAJA (INTERNET BANKING)<br>BAYAR ATAS AKAUN : TETUAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK<br>*Sila nyatakan No. Kad Pengenalan Pelajar sebagai rujukan/reference semasa membuat bayaran</td></tr>
<tr><td colspan="3">SILA BAWA BORANG KEAHLIAN PELAJAR MSP_DAF - 001 YANG LENGKAP BERSERTA SALINAN SLIP BAYARAN SEMASA HARI PENDAFTARAN<br>PELAJAR BOLEH MENGIMBAS QR CODE ATAU PAUTAN MSP POLITEKNIK MUADZAM SHAH SEPERTI BERIKUT: <u>https://bit.ly/MSPPMS</u></td></tr>
</table>

## <u>KADAR YURAN MSP</u>

| **Pengajian** | **Kadar** |
|---|---|
| Semester 1 | Yuran Keahlian - RM 10.00<br>Yuran Semester - RM 15.00<br>**Jumlah - RM 25.00** |
| Semester 2,3,4,5 dan 6** | Yuran Semester - RM 15.00<br>**Jumlah - RM 15.00** |

****Nota: Pengecualian kepada pelajar yang menjalani Latihan Industri**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
MUADZAM SHAH

# TATACARA PENDAFTARAN *iPAYMENT* DAN TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA MELALUI *iPAYMENT* BAGI PELAJAR POLITEKNIK

## 2.4.1 : TATACARA PENDAFTARAN iPAYMENT

**LANGKAH 1**

Muat turun aplikasi iPayment menggunakan kaedah seperti berikut




**Atau**

Layari laman web https://ipayment.anm.gov.my/



**LANGKAH 2**

Klik daftar



1. Isi semua bahagian seperti tertera, sila pastikan **EMEL** yang anda masukkan adalah **EMEL** yang masih aktif.
2. **Sila pastikan EMEL tersebut adalah milik Pelajar sahaja dan NAMA yang diisi adalah NAMA PENUH PELAJAR seperti di KAD PENGENALAN.**




3. Kemudian klik daftar



4. Sila Semak **EMEL** anda untuk pengaktifan akaun. Klik pada pautan yang diberikan




5. Tahniah, anda telah berjaya mendaftar sebagai pengguna ***iPayment***



## 2.4.2 : TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN & ASRAMA

**LANGKAH 1:**

Layari web https://ipayment.anm.gov.my/. Klik butang Log Masuk.




**LANGKAH 2:**

Masukkan ID pengguna (emel) dan kata laluan. Klik butang Log Masuk. Pastikan pelajar telah mendaftar ***iPayment***.



Seterusnya pelajar boleh lihat pada menu berkaitan seperti paparan berikut:



**LANGKAH 3:**

Klik pada ikon menu bil. Bil yang tersedia akan dipaparkan seperti berikut:




Untuk melihat bil terperinci, boleh klik pada ikon




Bil terperinci akan dipaparkan. Seterusnya klik Kembali untuk ke menu sebelumnya.



**LANGKAH 4:**

Untuk proses pembayaran bil, boleh ikuti langkah berikut. Pilih bil, klik pada butang Bayar.




**LANGKAH 5:**

Seterusnya paparan menu bayaran seperti berikut. Terdapat empat kaedah pembayaran:

i. **PERBANKAN INTERNET**
ii. **KOD QR DUITNOW**
iii. **KAD**
iv. **E-DOMPET**

Pelajar boleh memilih mana-mana kaedah yang diingini.



## i. KAEDAH PERBANKAN INTERNET

Sekiranya memilih **Perbankan Internet**, paparan pilihan bank seperti berikut akan dipaparkan. Pilih bank berkaitan.




Sebagai contoh, pilih Maybank Berhad, seterusnya klik butang Bayar.



Seterusnya klik butang Ya.




Anda akan dibawa ke laman web bank berkenaan. Seterusnya boleh ikuti langkah-langkah membuat pembayaran seperti biasa. Perlu diingat, pastikan **resit bayaran transaksi disimpan** sebagai bukti bayaran.



## ii. KAEDAH KOD QR DUITNOW

Jika memilih kaedah Kod QR DuitNow, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




Seterusnya akan dipaparkan Kod QR seperti di bawah. Sila imbas kod QR tersebut menggunakan aplikasi perbankan/e-dompet untuk proses pembayaran. Perlu diingat, jangan kongsikan kod QR tersebut kepada orang lain. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.



### iii. KAEDAH KAD

Jika memilih kaedah pembayaran Kad, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




Paparan berikut akan dipaparkan. Isikan maklumat berkaitan dan teruskan proses pembayaran. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.



### iv. KAEDAH E-DOMPET

Jika memilih kaedah pembayaran E-Dompet, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




Berikut adalah paparan untuk memilih aplikasi E-Dompet. Pilih aplikasi E-Dompet berkaitan dan seterusnya klik butang Pay Now dan ikuti langkah seterusnya untuk proses pembayaran. Pastikan salinan **resit transaksi disimpan** sebagai bukti pembayaran.



## PEMBAYARAN YANG TELAH SELESAI

Bil yang telah berjaya di bayar, akan hilang daripada senarai bil.




Teruskan untuk pembayaran seterusnya, iaitu Yuran Asrama. Ikuti langkah yang sama seperti pembayaran bil untuk Yuran Pengajian. Perlu diingat, setiap transaksi bayaran perlu **disimpan salinan resit bayaran** sebagai bukti. Resit boleh didapati melalui dua kaedah, klik pada butang jana resit atau melalui bahagian sejarah pembayaran. Berikut merupakan contoh salinan resit bayaran:

Kew. 38E04-2023

**KERAJAAN MALAYSIA**

**RESIT RASMI**
**SALINAN**

Diterima Daripada : MUHAMMAD [redacted]

No. Resit : RN240762320112002310

Tarikh & Masa Bayaran : 26/07/2024 08:37 AM

No. Identiti : [redacted]

No. Transaksi : T2407AFP020000005165

Alamat : [redacted]

No. Rujukan : [redacted]

Kaedah Pembayaran : PORTAL / KOD QR DUITNOW

Perihal Bayaran : BAYARAN YURAN PENGAJIAN

| No. | Keterangan | Kod Akaun | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | BAYARAN YURAN PENGAJIAN POLITEKNIK - IPAYMENT (BYP-IPYMNT72202) | H0272202 | 200.00 |
| | | Jumlah Bayaran | 200.00 |

Ringgit Malaysia : DUA RATUS SAHAJA

Jabatan : JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
Kementerian : KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

**** PELAJAR DIWAJIBKAN UNTUK MENCETAK MAKLUMAT BAYARAN INI BAGI TUJUAN SIMPANAN DAN REKOD PENDAFTARAN PELAJAR.**

## SELAMAT DATANG KE SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT PELAJAR (IHELP)

### 2.4.3 : Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu Online Politeknik Muadzam Shah

**_LANGKAH 1_**

1. Layarai laman web Politeknik Muadzam Shah di https://pms.mypolycc.edu.my/




2. Klik pada **"Bakal Pelajar"** untuk memulakan pendaftaran.



## *LANGKAH 2*

1. Klik pada **“Sistem Pendaftaran Online Pelajar Baharu (SPMP)”**




## *LANGKAH 3*

1. Masukkan **No. Kad Pengenalan Pelajar dan klik butang “Teruskan”**.



## *LANGKAH 4*

1. Panduan untuk langkah seterusnya dipaparkan
2. Jika maklumat pembayaran pelajar masih belum diterima oleh Politeknik Muadzam Shah, hanya **3 langkah** sahaja dipamerkan.

   i. Paparan skrin sekiranya pelajar ***BELUM*** membuat bayaran yuran



Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : II : 2021/2022 || 2 : 2021/2022

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Muadzam Shah

Tawaran anda adalah dengan Kamsis

| Langkah | Perkara yang perlu dilakukan | |
|---|---|---|
| 1 | **Cetak Dokumen Pendaftaran** | |
| | Sila cetak maklumat am pendaftaran dan borang pendaftaran Politeknik Muadzam Shah | Maklumat Am |
| 2 | **Cetak Maklumat Bayaran** | |
| | Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank. | Maklumat Bayaran |
| 3 | **Semak status bayaran** | |
| | Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Muadzam Shah sehari selepas bayaran dibuat | Semak Status Bayaran |

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Muadzam Shah
Tel : 09-4502005 Fax : 09-4502009
http://www.pms.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

## ***LANGKAH 5***

3. Sekiranya maklumat bayaran telah diterima oleh Politeknik Muadzam Shah, **langkah 4** akan dipamirkan .
4. Klik pada **langkah 4** iaitu ***"Teruskan Untuk Pendaftaran"*** untuk mengesahkan pendaftaran pelajar.

   ii. Paparan skrin sekiranya pelajar ***SUDAH*** membuat bayaran yuran




## ***LANGKAH 6***

5. Seterusnya, skrin maklumat pendaftaran online dipaparkan



## *LANGKAH 7*

6. Pelajar diminta untuk muat naik gambar berpakaian rasmi berukuran passport.

**Upload Gambar Pelajar**

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | N |
| No Kp | : | 03 |
| No Pendaftaran | : | 19 |
| Program | : | Diploma Pengajian Perniagaan |
| Jabatan | : | JABATAN PERDAGANGAN |
| Kelas | : | DPM1B |

Sila tutup semula tetingkap ini selepas selesai memuatnaik gambar



Contoh Gambar Lelaki



Contoh Gambar Perempuan

Pilih File : Choose File No file chosen

** Penting : Saiz file yang diupload hendaklah tidak melebihi 15 mb.

Upload Fail Gambar

## *LANGKAH 8*

*7.* Sekiranya pelajar hendak mencetak semula slip pendaftaran online, klik pada **Semak Semula dan Cetak Slip**

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : II : 2021/2022 || 2 : 2021/2022

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Muadzam Shah

Tawaran anda adalah dengan Kamsis

| Langkah | Perkara yang perlu dilakukan | |
|---|---|---|
| 1 | Cetak Dokumen Pendaftaran<br>Sila cetak maklumat am pendaftaran dan borang pendaftaran Politeknik Muadzam Shah | Maklumat Am |
| 2 | Cetak Maklumat Bayaran<br>Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank. | Maklumat Bayaran |
| 3 | Semak status bayaran<br>Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Muadzam Shah sehari selepas bayaran dibuat | Semak Status Bayaran |
| 4 | Pendaftaran Online (dalam talian)<br>Anda telah pun mendaftar sila cetak slip pengesahan pendaftaran dalam talian sahaja jika anda belum berbuat demikian | Semak Semula dan Cetak Slip |

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Muadzam Shah
Tel : 09-4502005 Fax : 09-4502009
http://www.pms.edu.my

## LANGKAH 9

8. **Cetak Slip Maklumat Pendaftaran Online** untuk di bawa pada hari melapor diri di **Politeknik Muadzam Shah.**

---

**Politeknik Muadzam Shah**
Lebuhraya Tun Abdul Razak

26700 Muadzam Shah
Pahang

Telefon : 09-4502005
Fax : 09-4502009
Web : http://www.pms.edu.my

POLITEKNIK MALAYSIA MUADZAM SHAH

### Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

**Maklumat Pendaftaran**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama | | | |
| No Kp | | No Pendaftaran | |
| Program | : Diploma Pengajian Perniagaan | | |
| Kelas | : DPM1B | Jabatan | : JABATAN PERDAGANGAN |
| Tarikh Lapordiri | : 28/2/2022 | Masa lapordiri | : 9:00 Pagi |
| Sesi Mula | : II : 2021/2022 | Sesi Tamat | : I : 2025/2026 |
| No Bilik Kamsis | : 6-1-01 | No Katil | : B |

**Arahan Semasa Melapor Diri**

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
- iv Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
- v Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP5). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu diserahkan
- vii Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

-----------------------------------------Potong Disini-----------------------------------------

**Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Muadzam Shah Sahaja**

**Senarai Semak Koperasi Politeknik Muadzam Shah**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama | : NUR AFIQAH HUSNA BINTI MOHD ZUBIR | | |
| No Kp | | No Pendaftaran | |
| Program | | | |
| Kelas | : DPM1B | | |

**Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Muadzam Shah**

Peralatan dari Koperasi Politeknik Muadzam Shah yang telah di ambil oleh pelajar.

- [ ] Baju Berlogo Politeknik
- [ ] Baju Sukarelawan Yes
- [ ] Card Holder & Lanyard

CONTOH

KOPERASI POLITEKNIK MUADZAM SHAH
ROMPIN PAHANG BERHAD

# TATACARA PEMBAYARAN INSURAN TAKAFUL MALAYSIA PELAJAR POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG

## KAEDAH PEMBAYARAN : JOMPAY

## BILLER CODE : 687061
## (POLI. MUADZAM SHAH - YURAN)

## KOPERASI POLITEKNIK MUADZAM SHAH ROMPIN PAHANG BERHAD

## 2.3.4 PANDUAN PEMBAYARAN YURAN PELBAGAI SECARA ONLINE MELALUI JOMPAY

1. Daftar masuk ke bank pilihan anda.




2. Klik Pembiayaan Bil yang terdapat pada menu di bank pilihan anda dan klik butang **JomPAY.**



3. Setelah keluar *popup* pembayaran bil, pilih akaun anda.




4. Pastikan anda mengisi ruang kosong seperti di bawah:

| | | |
|---|---|---|
| **i.** | **Biller Code** | **: 687061** |
| | **(Koperasi Politeknik Muadzam Shah Rompin Pahang Berhad)** | |
| **ii.** | **Amount (RM)** | **: RM 35.00** |
| **iii.** | **Ref-1** | **: (No Kad Pengenalan pelajar)** |
| **iv.** | **Ref-2** | **: (No Telefon pelajar)** |



5. Setelah anda mengisi maklumat tersebut, sila pastikan **JUMLAH (AMOUNT RM)** dan **NO TAC** yang dimasukkan adalah betul. Kemudian Klik butang ***SUBMIT.***




6. Transaksi yang berjaya akan disertakan dengan no rujukan **JOMPAY** untuk rujukan anda.




7. ***Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran INSURAN TAKAFUL ini bagi tujuan simpanan dan rekod semasa pendaftaran pelajar.***

## 3.0 PAKAIAN DAN RUPA DIRI SEMASA PENDAFTARAN

# SAHSIAH DAN RUPA DIRI

## SEMASA PENDAFTARAN

| LELAKI | KETERANGAN |
|---|---|
| Baju / Tali Leher | Kemeja lengan panjang dan bertali leher |
| Seluar / Tali Pinggang | ➢ Seluar Panjang ‘slack’ berwarna hitam<br>➢ *Jeans* dan *denim* tidak dibenarkan<br>➢ Tali pinggang berwarna hitam – corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan |
| Kasut | ➢ Kasut bertutup penuh<br>➢ Kasut sukan tidak dibenarkan<br>➢ Memakai sarung kaki dengan sempurna |
| Rambut | ➢ Pendek, kemas dan tidak diwarnakan<br>➢ Belakang tidak menyentuh paras kolar baju, paras tepi tidak menyentuh paras atas telinga dan paras depan tidak menyentuh paras dahi |

| PEREMPUAN | KETERANGAN |
|---|---|
| Baju | ➢ Berbaju kurung / blouse labuh melepasi paras punggung<br>➢ Bertudung dan melebihi paras bahu bagi yang beragama islam<br>➢ Pakaian hendaklah sopan dan tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan yang sensitif tidak dibenarkan |
| Kasut | ➢ Kasut bertutup penuh<br>➢ Memakai sarung kaki dengan sempurna |
| Rambut | ➢ Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen |

**LAIN -LAIN :**

- Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang dan subang adalah tidak dibenarkan
- Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju ‘T’ tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar

## 3.1 RUPA DIRI

### 3.1.1 PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI PELAJAR LELAKI

Pakaian ke kelas / bengkel / makmal / peperiksaan / majlis rasmi institusi

i. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
ii. Baju ‘T’ berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju ‘T’ tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
iii. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
iv. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
v. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersamping, berkasut dan bersongkok hitam.
vi. Berseluar panjang slack / khakis potongan slack / cargo pants berwarna gelap. Pemakaian seluar yang ketat dan potongan kaki senteng **TIDAK** dibenarkan.
vii. Berkasut dan berstoking.
viii. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
ix. Pemakaian sebarang bentuk perhiasan (rantai, subang, gelang dan lain-lain) adalah **TIDAK** dibenarkan.
x. Memakai pakaian dan kelengkapan keselamatan bengkel/makmal ketika di bengkel/makmal sekiranya dikehendaki berbuat demikian.
xi. Pemakaian topi tidak dibenarkan kecuali topi keselamatan bengkel/makmal/tapak kerja.
xii. Pemakaian, penampilan dan perlakuan menyerupai wanita adalah DILARANG



**Gambar 1 : Penampilan Diri Pelajar Lelaki**

## 3.1.2 PERATURAN BAGI RAMBUT, MISAI, JANGGUT DAN JAMBANG

i. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi separuh dahi.

ii. Rambut berfesyen seperti "afro", "punk", man bun, berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.

iii. Misai yang kemas serta terdandan dan panjangnya tidak melebihi bibir atas adalah dibenarkan.

iv. Janggut dan jambang yang kemas dan terdandan dan panjangnya berpatutan adalah dibenarkan.

v. Pelajar Sikh yang memakai turban adalah dikecualikan daripada peraturan di atas. Walau bagaimanapun mereka dikehendaki sentiasa menjaga kekemasan diri.

vi. Peraturan ini termasuk semasa seperti perkara 3.1.1




**Gambar 2 : Peraturan bagi Rambut Pelajar Lelaki**

### 3.1.3 PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI PELAJAR PEREMPUAN

**Pakaian ke kelas/bengkel/makmal/peperiksaan/majlis rasmi institusi**

i. Pelajar wanita Islam DIWAJIBKAN menutup aurat.

ii. Pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek (termasuk mini dress/short pants), berbelah, nipis dan mendedahkan mana - mana bahagian badan adalah **TIDAK** dibenarkan.

iii. Pelajar bukan Islam **TIDAK** dibenarkan memakai skirt yang lebih pendek daripada paras lutut.

iv. Baju 'T' berkolar yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah serta baju 'T' tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.

v. Seluar yang dibenarkan adalah seluar panjang slack / khakis potongan slack / cargo pants berwarna gelap. Potongan seluar yang ketat (menampakkan bentuk sebenar anggota badan contohnya legging/palazzo), senteng dan kain yang jarang **TIDAK** dibenarkan.

vi. Semua pelajar diwajibkan memakai kasut bertutup penuh (bahagian jari hingga pergelangan kaki) dan berstoking.

vii. Selipar, terompah, capal, sandal dan kasut tumit tinggi melebihi dua inci **TIDAK** dibenarkan.

viii. Memakai pakaian dan kelengkapan keselamatan bengkel/makmal ketika di bengkel/makmal sekiranya dikehendaki berbuat demikian.

ix. Pemakaian topi tidak dibenarkan kecuali topi keselamatan bengkel/makmal/tapak kerja.

x. Pemakaian, penampilan dan perlakuan menyerupai lelaki adalah **DILARANG**



**Gambar 3 : Penampilan Diri Pelajar Perempuan**

## 3.1.4 PAKAIAN UNTUK RIADAH/ SUKAN/ REKREASI

i. Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti dan persekitaran

ii. Pakaian baju T yang tidak berlengan dan pakaian sukan yang tidak sopan adalah T**IDAK DIBENARKAN**

iii. Semua pelajar Islam **DIWAJIBKAN** menutup aurat



**Gambar 4 : Penampilan Diri Semasa Riadah/Sukan**

# LAMPIRAN

## KAEDAH PELAKSANAAN INISIATIF PROGRAM CELIK MADANI DI POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG BAGI TAHUN 2026 : PEMBERIAN RM50 UNIT AMANAH SECARA PERCUMA

1. Pelajar perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran pengajian Diploma Politeknik melalui laman web **https://ambilan.mypolycc.edu.my**

2. Pelajar perlu membuka akaun ASNB secara individu atas nama sendiri selepas membuat pengesahan setuju terima tawaran dan sebaiknya sebelum proses pendaftaran diri di kampus pada **Isnin 05 Januari 2026.**

3. Urusan pembukaan akaun ASNB boleh dilakukan secara dalam talian melalui aplikasi MyASNB. Pelajar hanya perlu mendaftar akaun melalui aplikasi tersebut tanpa sebarang bayaran permulaan dan memasukkan kod rujukan **'Celik MADANI'** bagi pengkreditan RM50 unit amanah secara percuma.

***Nota**: Sila rujuk* **Kit selamat datang ASNB Celik MADANI** *di lampiran untuk cara mendaftar dan soalan-soalan lazim.*

4. Selepas berjaya membuka/mengemaskini akaun, pelajar perlu mengisi maklumat berkaitan dan nombor akaun ASNB (UHID) melalui pautan ***google form*** https://forms.gle/4oscGB2348bpeQU37 **atau** dengan mengimbas kod QR disediakan di bawah untuk tujuan pendaftaran.

**5.** Google form tersebut hendaklah diisi sebelum atau selewat-lewatnya pada **03 Januari 2026 (Sabtu).**

**Unit Hal Ehwal Pelajar**
**Politeknik Muadzam Shah**
**Pahang Darul Makmur**

# LAMPIRAN

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu helaian, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**

2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.

3. **Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen**:

    a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/Kumpulan A
    b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
    c. Pengetua Sekolah Menengah
    d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
    e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
    f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
    g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
    h. Wakil Rakyat
    i. Pengamal Undang-undang
    j. Pesuruhjaya Sumpah
    k. Jaksa Pendamai
    l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(**Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan**)

POLYCC

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

politeknik.edu kolejkomunitiHQ

politeknikmalaysia kolejkomunitiHQ

politeknikmalaysia kolejkomunitiHQ

politeknikkolejkomuniti

www.mypolycc.edu.my

IMBAS KOD QR UNTUK MAKLUMA

**Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar,**
**Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,**
**Kementerian Pengajian Tinggi.**
Aras 6, Galeria PJH,
Jalan P4W, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel: 03 8888 3837 Faks: 03 8888 2111
**ambilan.mypolycc.edu.my**